



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PRA PELANCARAN 11TH MALAYSIAN ROAD CONFERENCE & EXHIBITION 2022 AND 4TH INTERNATIONAL ROAD FEDERATION ASIA-PACIFIC REGIONAL CONGRESS

KUALA LUMPUR – Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah hadir bagi menyempurnakan Majlis Pra Pelancaran *11th Malaysian Road Conference & Exhibition 2022* yang diadakan pada hari ini di Ancasa Hotel, Kuala Lumpur

Malaysian Road Conference (MRC) merupakan platform di peringkat Kebangsaan dan rantau Asia Tenggara bagi tujuan pembentangan penyelidikan dan juga pertukaran idea mengenai teknologi dan inovasi terkini berkaitan jalan raya dengan mengetengahkan agenda berkaitan pembangunan, pembinaan, pengurusan dan penyenggaraan jalan raya, lebuhraya serta infrastruktur berkaitan dengannya.

Malaysian Road Conference (MRC) ini merupakan acara dwi tahunan yang kini memasuki edisi ke sebelas. Edisi pertama telah diadakan pada tahun 1994. Persidangan ini adalah anjuran Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Pertubuhan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan juga Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) serta beberapa agensi lain.

Tema persidangan pada kali ini adalah "*Towards Resilient Road Infrastructure*" yang bermaksud "Ke Arah Infrastruktur Jalan Raya Yang Berdaya Tahan" adalah tepat pada masanya. Setiap peserta perlu mengolah idea dan kaedah serta inovasi untuk menambah baik pengurusan aset jalan raya memandangkan kos pembinaan dan senggaraan jalan raya yang tinggi.

Dianggarkan 1,000 peserta dari dalam dan luar negara bakal menghadiri persidangan ini. Terdapat 111 ruang pameran disediakan untuk memberi peluang kepada pemain industri berkenaan mempromosikan produk dan perkhidmatan berkaitan infrastruktur jalan raya.

Antara dua belas topik yang bakal dibincangkan ialah:

- *Smart road and pavement technology*
- *Bridge engineering advanced technology*
- *Digitalisation in design and construction of roadworks*
- *Virtual and augmented application technology*
- *Infrastructure asset management*
- *Environmental and sustainability in bridge and roadworks*
- *Governance and best practice*
- *Traffic and road safety best practice*

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY 📌 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR.MALAYSIA](https://www.facebook.com/KKR.MALAYSIA) 📺 [@MOWORKS](https://www.instagram.com/moworks) 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

- *Building Information Technology (BIM) for infrastructure works*
- *Advanced public transportation*
- *Slope and geotechnical engineering*
- *Resilience to seismic and earthquakes*

Persidangan *11th Malaysian Road Conference & Exhibition 2022* ini bakal diadakan bersama dengan *4th International Road Federation Asia-Pacific Regional Congress* selama tiga (3) hari bermula 11 hingga 13 Oktober 2022 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri *Ismail Sabri bin Yaakob* bakal merasmikan persidangan ini nanti.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
6 SEPTEMBER 2022**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY **PRO@KKR.GOV.MY** **KEMENTERIAN KERJA RAYA** **KKR_MALAYSIA** **@MOWORKS** **KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL**

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur